



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### *Untuk makluman:*

- |  |  |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>● YB Menteri</li><li>● YB Timbalan Menteri</li><li>● YBhg. KSU</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>● YBhg. TKSU (PPDN)</li><li>● YBhg. TKSU (PPP)</li><li>● Setiausaha Akhbar</li></ul> |
|--|--|

**Tarikh: 18 OKTOBER 2023**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Kerap pantau situasi bekalan

**KPDN periksa 31,100 premis di seluruh negara babit pelbagai peringkat rantaian pengedaran**

Oleh Muhamad Hafis Nawawi  
 mhfafis@hmetro.com.my

Serdang

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) memeriksa 31,100 premis di seluruh negara membabitkan pelbagai peringkat rantaian pengedaran termasuk pengilang, pemborong dan peruncit menerusi Op Jamin.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, pemerkasaan diadakan bermula 7 Julai hingga kelmarin dan daripada jumlah itu, sebanyak empat kes diambil ke atas peniaga kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Selain itu katanya, empat kes membabitkan Akta Perihal Dagangan 2011 dan dua kes mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972 menjadikan 10 kes secara keseluruhannya diambil tindakan oleh KPDN.

"Manakala sebanyak 331 aduan membabitkan aduan harga, bekalan dan



FUZIAH hadir pemeriksaan Op Jamin di Pasar Raya Super Seven, Cheras Jaya, semalam.

lain-lain berkaitan beras diterima dalam tempoh yang sama dan telah disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk tindakan lanjut.

"Tujuan pemeriksaan ini dilakukan adalah bagi melihat sendiri situasi semasa yang berlaku di lapangan

berhubung kedudukan bekalan dan harga beras di peringkat runcit serta barang keperluan harian yang lain termasuk gula, minyak masak dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melaksanakan pemeriksaan Op Jamin di Pasar Raya

Super Seven, Cheras Jaya, disini, semalam.

Turut hadir pengurusan tertinggi kementerian, Bahagian Penguat Kuasa (BPGK) KPDN dan Penguat Kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri Selangor serta KPKM.

Fuziah berkata, bermula pada 7 Julai lalu, KPDN dan

KPKM melancarkan Kolaborasi Bersepadu Ops Jamin bagi memastikan keberjaminan bekalan beras dengan harga yang stabil dan terkawal untuk keperluan pengguna.

"Pada masa yang sama, pemeriksaan Op Jamin ini bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Ke-

menterian.

"KPDN memberi jaminan akan terus membantu KPKM dalam melakukan pemeriksaan di bawah Op Jamin di seluruh Negara.

"Pada masa yang sama akan terus menggiatkan tindakan penguatkuasaan di bawah perundangan serta bidang kuasa KPDN terutamanya dalam menangani isu penukaran label kampit beras yang dikhawatir berlaku susulan pelarasan harga baharu bagi beras putih import (BPI)," katanya.

Beliau berkata, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730].

"KPDN juga menguatkuasaan Akta Timbang Dan Sukat 1972 [Akta 71] dan sekiranya berlaku perlanggaran undang-undang berkaitan alat timbang dan sukat membabitkan padi dan beras, tindakan juga boleh diambil ke atas pihak yang terbabit," katanya, semalam.

## 31,100 premis diperiksa pastikan harga beras terkawal – KPDN

**KUALA LUMPUR** — Sebanyak 31,100 premis telah periksa oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) di seluruh negara sepanjang tempoh pelaksanaan Ops Jamin sehingga semalam.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, pemeriksaan tersebut melibatkan pelbagai peringkat rantaian pengedaran termasuklah di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit.

Ujarnya, bagi memastikan bekalan beras dijual pada harga stabil dan terkawal, Ops Jamin telah dilancarkan sejak 7 Julai

lalu bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk mengembalikan semula keyakinan rakyat.

"Seperti hari ini (semalam), kita turun sendiri melihat keadaan bekalan dan harga beras, gula, minyak masak dan sebagainya. Sebelum ini seperti kita maklum, negara berhadapan dengan masalah bekalan beras.

"Dalam masa yang sama, KPDN membuat jualan Rahmah beras iaitu kita jual beras import dengan harga Rahmah lebih kurang dengan harga beras tempatan. Kalau kata tiada beras, kita akan

bantu sampaikan kepada KPBM.

"Tapi kalau terima aduan berras import, kita akan siasat bawah Akta Perihal Dagangan. Ada beberapa siasatan yang sudah dimulakan di mana beberapa laporan sudah saya terima," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melakukan pemeriksaan Ops Jamin di sebuah pasar raya, di sini semalam.

Menurut beliau, daripada 31,100 premis yang diperiksa, sebanyak empat kes diambil tinjakan ke atas peniaga kerana disyaki melakukan kesalahan di

bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999.

"Empat kes lain pula melibatkan Akta Perihal Dagangan 2011 dan dua kes melibatkan Akta Timbang dan Sukat 1972 menjadikan 10 kes secara keseluruhannya telah diambil tindakan oleh KPDN.

"Sebanyak 331 aduan melibatkan aduan harga, bekalan dan lain-lain berkaitan beras diterima dalam tempoh yang sama dan telah disalurkan kepada KPBM untuk tindakan lanjut," katanya.

Untuk rekod, Ops Jamin dilancarkan bagi membanteras isu

penukaran label kampit beras, yang diikhutari berlaku berikut pelarasan harga baharu bagi beras putih import (BPI).

Tambah Fuziah, KPDN komited melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan beras di seluruh negara di samping barang keperluan harian lain.

"Orang ramai juga digalakkan menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dengan menyalurkan maklumat dan aduan yang lengkap berhubung ketidakpatuhan ke atas undang-undang yang dikuatkuasaan oleh kementerian," katanya.

# Jangan guna media sosial buat aduan - Fuziah

Orang ramai perlu guna saluran betul supaya tindakan dapat diambil dengan cepat

KUALA LUMPUR

**O**rang ramai dinasihatkan supaya tidak menggunakan media sosial untuk membuat aduan berkaitan bekalan barang keperluan, sebaliknya mengemukakan maklumat tersebut di saluran

rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, ini kerana aduan yang disampaikan di media sosial hanya akan melambatkan lagi proses tindakan pihak KPDN terhadap aduan tersebut.

"Kadang-kadang bila netizen suka guna saluran aduan di media sosial, ia akan melambatkan proses tindakan diambil. Sebaik-baiknya guna saluran betul di mana kalau saluran disampaikan kepada KPDN kita boleh mengambil tindakan dengan segera.

"Contohnya kalau kes yang viral itu kita terpaksa pergi cari

pula siapa yang mula viralkan, sumber maklumat, pergi jumpa dan baru hendak mulakan siasatan," katanya selepas menjalankan pemeriksaan Ops Jamin di sebuah pasar raya di Cheras Jaya di sini pada Selasa.

Justeru, Fuziah berkata, satu saluran khas menerusi kod QR aduan bekalan telah dibuka dengan kod tersebut akan dihubungkan terus kepada talian hotline WhatsApp khas KPDN dan ia boleh didapati laman sesawang rasmi KPDN.

Sementara itu, sebanyak



FUZIAH

31,100 premis di seluruh negara telah diperiksa di bawah Op Jamin dari 7 Julai hingga Isnin.

Katanya, periksaan dibuat bagi mengetahui kedudukan bekalan dan harga beras di peringkat runcit serta barang keperluan harian lain.

"Hari ini (Selasa) kita nak tengok keadaan (isu barang keperluan) kerana kebelakangan ini kita dengar keadaan sedikit reda. Jadi, saya turun sendiri lihat sama ada betul atau tidak, tapi kita lihat masih ada lagi belum dapat beras tempatan," katanya. - Bernama

## 31,000 rice distribution premises inspected

**KUALA LUMPUR:** A total of 31,100 premises nationwide were inspected under *Ops Jamin* between July 7 and yesterday, involving various levels of the rice distribution chain.

Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh said the inspections were carried out to monitor the supply and prices of rice as well as other daily necessities such as sugar and cooking oil at the retail level.

"We want to assess the

situation regarding essential goods because we heard that there have been improvements. So, I came to see if the situation has become better.

"However, we see that (stocks) of local rice are still unavailable," she said after conducting inspections at a supermarket in Cheras Jaya yesterday.

*Ops Jamin* is a collaborative effort by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Agriculture and Food Security Ministry to ensure availability

of rice at stable and controlled prices.

Fuziah said of the 31,100 premises inspected, action for violations have been taken against 10 cases, four each related to the Consumer Protection Act 1999 and the Trade Descriptions Act 2011, and two related to the Weights and Measures Act 1972.

She added that 331 rice related complaints were received as of yesterday and forwarded to the ministry for further action.

On Budget 2024, Fuziah said it is a budget that favours the people, as the allocation for the *Payung Rahmah* initiatives has been doubled to RM200 million.

"I am also happy for the hardcore poor because the prime minister has allocated RM10 billion for *Rahmah Cash Aid*.

"Through the retargeted subsidy approach, we hope those who are eligible and entitled to subsidies can receive cash aid that can be used to buy essential goods." - Bernama

Kempen bermula 19 Oktober hingga 18 November turut menawarkan dua model Proton Saga

**KUALA LUMPUR**

**A**EON BiG menawarkan Proton X50 Flagship menerusi peraduan *Shop More Win More* sempena sambutan ulang tahun ke-11 operasi syarikat itu.

Pengarah Urusan AEON BiG, Sheikh Farouk Sheikh Mohamed berkata, kempen berlangsung bermula 19 Oktober hingga 18 November 2023 turut menawarkan dua model Proton Saga Premium sumbangan Proton selaku penaja platinum kempen.

Menurut Sheikh Farouk, sambutan ulang tahun ini tambah istimewa dengan tawaran pelbagai hadiah menarik lain termasuk barang elektrik dengan nilai keseluruhan berjumlah RM211,000.

"Kami amat berbesar hati

merakaikan ulang tahun ke-11 yang indah bersama pelanggan dan rakan perniagaan kami.

"Selain Proton, rakan perniagaan lain yang turut serta dalam merakaikan ulang tahun ini termasuk Gold Sponsors - Nestle Products Sdn Bhd, Felda Global Ventures, Mamee Double Decker dan Tyson Malaysia.

"Turut serta dalam kempen ini ialah 130 rakan niaga AEON BiG yang merupakan penyumbang aktif kempen ulang tahun ini," katanya pada sambutan ulang tahun AEON BiG ke-11 di AEON BiG Wangsa Maju pada Selasa.

Turut hadir, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin.

Sheikh Farouk berkata,



Sheikh Farouk (dua dari kiri) menunjukkan hadiah utama Proton X50 Flagship kepada pelanggan bertuah.

peraduan itu terbuka kepada semua pelanggan dengan belanja minimum RM111 pada satu resit layak menghantar

FOTO SINAR HARIAN/MOHD RAFIQ REDZUAN HAMZAH

penyertaan berganda manakala pelanggan yang berbelanja sehingga RM333 akan berpeluang menggandakan peluang mereka sehingga enam penyertaan.

"Secara keseluruhan, kami turut menawarkan diskain sehingga 50 peratus ke atas produk terpilih sepanjang tempoh kempen dan pelanggan juga boleh menikmati ganjaran setiap minggu dengan AEON BiG Gift Card bernilai RM100 untuk pemenang bertuah," katanya.

AEON BiG (M) Sdn Bhd ditubuhkan sejak 1 November 2012 kini memiliki 21 pasar raya besar seluruh negara.

Penubuhannya merupakan sebahagian daripada rancangan AEON Group untuk mengembangkan perniagaan di Asia Tenggara dan mengembangkan operasi di ASEAN.

## Four directors charged with running unlicensed business

**GEORGE TOWN:** Four directors of a direct selling company pleaded not guilty in the Sessions Court yesterday to a charge of running a business without a valid licence last year.

Tan Kwong Yeow, 35, Ooi Chuen

Chie, 35, Lim Shing Yee, 31, and Seow Ming Cjoy, 32, made the plea after the charge was read out before Judge Mazdi Abdul Hamid.

They are charged with running a direct selling business through

electronic transactions, known as Career Opportunity Plan, without a licence issued under Section 6 of the Direct Sales and Anti-Pyramid Scheme Act 1993.

All four were allowed bail

of RM25,000 each and ordered to report to the nearest police station every month in addition to surrendering their passports.

The court set Nov 29 for mention.  
- Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 OKTOBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Oct	Bekalan beras: KPDN periksa 31,100 premis sepanjang Ops Jamin	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/bekalan-beras-kpdn-periksa-31100-premis-sepanjang-ops-jamin/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/bekalan-beras-kpdn-periksa-31100-premis-sepanjang-ops-jamin/</a>	KOSMO
18-Oct	31,100 pemeriksaan Ops Jamin semak bekalan beras	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021015/31100-pemeriksaan-ops-jamin-semak-bekalan-beras">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021015/31100-pemeriksaan-ops-jamin-semak-bekalan-beras</a>	HM
18-Oct	Op Jamin: 31,000 premis diperiksa di seluruh negara	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235817">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235817</a>	BERNAMA
18-Oct	31,100 premis diperiksa seluruh negara menerusi Op Jamin, kata Fuziah	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/467249">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/467249</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
18-Oct	Mekanisme subsidi bersasar masih dalam perbincangan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/mekanisme-subsidi-bersasar-masih-dalam-perbincangan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/mekanisme-subsidi-bersasar-masih-dalam-perbincangan/</a>	UM
18-Oct	Mekanisme subsidi bersasar masih dalam perbincangan	<a href="https://wartaoriental.com/2023/10/17/mekanisme-subsidi-bersasar-masih-dalam-perbincangan/">https://wartaoriental.com/2023/10/17/mekanisme-subsidi-bersasar-masih-dalam-perbincangan/</a>	WARTAORIENTAL
18-Oct	KPDN anggap Belanjawan 2024 'membumi', sebelahi rakyat	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/kpdn-anggap-belanjawan-2024-membumi-sebelahi-rakyat/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/kpdn-anggap-belanjawan-2024-membumi-sebelahi-rakyat/</a>	KOSMO
18-Oct	AEON BiG lancar peraduan 'Shop More Win More' sempena ulang tahun ke-11	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/aeon-big-lancar-peraduan-shop-more-win-more-sempena-ulang-tahun-ke-11/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/aeon-big-lancar-peraduan-shop-more-win-more-sempena-ulang-tahun-ke-11/</a>	KOSMO
18-Oct	AEON BiG sambut ulang tahun ke-11 dengan tawaran hadiah 3 kereta untuk pelanggan setia	<a href="https://majoriti.com.my/berita/2023/10/17/aeon-big-sambut-ulang-tahun-ke-11-dengan-tawaran-hadiah-3-kereta-untuk-pelanggan-setia">https://majoriti.com.my/berita/2023/10/17/aeon-big-sambut-ulang-tahun-ke-11-dengan-tawaran-hadiah-3-kereta-untuk-pelanggan-setia</a>	MAJORITI

18-Oct	Operasi bersepadu gempur peniaga warga asing di pasar malam	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1020957/operasi-bersepadu-gempur-peniaga-warga-asing-di-pasar-malam">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1020957/operasi-bersepadu-gempur-peniaga-warga-asing-di-pasar-malam</a>	HM
18-Oct	Operasi bersepadu gempur pasar malam, peniaga warga asing	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/10/1166139/operasi-bersepadu-gempur-pasar-malam-peniaga-warga-asng">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/10/1166139/operasi-bersepadu-gempur-pasar-malam-peniaga-warga-asng</a>	BH
18-Oct	123 penjaja pasar malam diperiksa, 15 kompaun dikeluarkan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/629739/edisi/utara/123-penjaja-pasar-malam-diperiksa-15-kompaun-dikeluarkan">https://www.sinarharian.com.my/article/629739/edisi/utara/123-penjaja-pasar-malam-diperiksa-15-kompaun-dikeluarkan</a>	SH
18-Oct	MBPP rampas gerai warga asing operasi tanpa lesen	<a href="https://ismaweb.net/2023/10/17/mbpp-rampas-gerai-warga-asng-operasi-tanpa-lesen/">https://ismaweb.net/2023/10/17/mbpp-rampas-gerai-warga-asng-operasi-tanpa-lesen/</a>	ISMAWEB
18-Oct	MBPP sita gerai warga asing	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/mbpp-sita-gerai-warga-asng/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/mbpp-sita-gerai-warga-asng/</a>	UM
18-Oct	MBPP sita gerai warga asing	<a href="https://mediavariasi.com/2023/10/mbpp-sita-gerai-warga-asng/">https://mediavariasi.com/2023/10/mbpp-sita-gerai-warga-asng/</a>	MEDIAVARIASI
18-Oct	MBPP gempur pasar malam, sita gerai warga asing	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/10/17/mbpp-gempur-pasar-malam-sita-gerai-warga-asng/">https://malaysiagazette.com/2023/10/17/mbpp-gempur-pasar-malam-sita-gerai-warga-asng/</a>	MALAYSIAGAZETTE
18-Oct	Don't use social media to lodge complaints about supply issues, says deputy minister	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/10/17/dont-use-social-media-to-lodge-complaints-about-supply-issues-says-deputy-minister/96812">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/10/17/dont-use-social-media-to-lodge-complaints-about-supply-issues-says-deputy-minister/96812</a>	MALAYMAIL
18-Oct	Orang ramai tidak digalak guna media sosial untuk salur aduan berkaitan bekalan - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/orang-ramai-tidak-digalak-guna-media-sosial-untuk-salur-aduan-berkaitan-bekalan-fuziah-442218%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/orang-ramai-tidak-digalak-guna-media-sosial-untuk-salur-aduan-berkaitan-bekalan-fuziah-442218%3famp=1</a>	ASTROAWANI

18-Oct	Jangan 'viralkan' aduan bekalan, guna saluran yang betul - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021072/jangan-viralkan-aduan-bekalan-guna-saluran-yang-betul-fuziah">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021072/jangan-viralkan-aduan-bekalan-guna-saluran-yang-betul-fuziah</a>	HM
18-Oct	Jangan guna media sosial untuk salur aduan berkaitan bekalan - Fuziah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1166291/jangan-guna-media-sosial-untuk-salur-aduan-berkaitan-bekalan-fuziah">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1166291/jangan-guna-media-sosial-untuk-salur-aduan-berkaitan-bekalan-fuziah</a>	BH
18-Oct	Kemuka Aduan Berkaitan Bekalan Terus Ke KPDN – Fuziah	<a href="https://harapanmadani.com/kemuka-aduan-berkaitan-bekalan-terus-ke-kpdn-fuziah/">https://harapanmadani.com/kemuka-aduan-berkaitan-bekalan-terus-ke-kpdn-fuziah/</a>	HARAPANMADANI
18-Oct	KPDN: Lodge complaints via official channels, not social media	<a href="https://selangorjournal.my/2023/10/kpdn-lodge-complaints-via-official-channels-not-social-media/">https://selangorjournal.my/2023/10/kpdn-lodge-complaints-via-official-channels-not-social-media/</a>	SELANGORJOURNAL
18-Oct	Netizen suka saluran aduan media sosial, ia akan melambatkan proses ambil tindakan	<a href="https://thereporter.my/netizen-suka-saluran-aduan-media-sosial-ia-akan-melambatkan-proses-ambil-tindakan-timb-menteri-kpdn-fuziah-salleh-mohon-orang-ramai-guna-saluran-aduan-khas/">https://thereporter.my/netizen-suka-saluran-aduan-media-sosial-ia-akan-melambatkan-proses-ambil-tindakan-timb-menteri-kpdn-fuziah-salleh-mohon-orang-ramai-guna-saluran-aduan-khas/</a>	THEREPORTER.MY
18-Oct	Guna saluran aduan yang betul, tular hanya lambatkan proses – Fuziah Salleh	<a href="https://thererdekatimes.com/news/2023/10/guna-saluran-aduan-yang-betul-tular-hanya-lambatkan-proses-fuziah-salleh/">https://thererdekatimes.com/news/2023/10/guna-saluran-aduan-yang-betul-tular-hanya-lambatkan-proses-fuziah-salleh/</a>	THEMERDEKATIMES
18-Oct	Isu Bekalan Barang: Viral Akan Lambatkan Proses, Guna Saluran Aduan Yang Betul – Fauziah Salleh	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.buzzkini.com/trending/2023/10/17/isu-bekalan-barang-viral-akan-lambatkan-proses-guna-saluran-aduan-yang-betul-fauziah-salleh/amp/">https://www.google.com/amp/s/www.buzzkini.com/trending/2023/10/17/isu-bekalan-barang-viral-akan-lambatkan-proses-guna-saluran-aduan-yang-betul-fauziah-salleh/amp/</a>	BUZZKINI

18-Oct	Orang ramai tidak digalak guna media sosial untuk salur aduan berkaitan bekalan - Fuziah	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235839">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235839</a>	BERNAMA
18-Oct	Don't use social media to lodge complaints about supply issues, says deputy minister	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2235867">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2235867</a>	BERNAMA
18-Oct	Guna saluran aduan yang betul, tular hanya lambatkan proses – Fuziah	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/guna-saluran-aduan-yang-betul-tular-hanya-lambatkan-proses-fuziah/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/17/guna-saluran-aduan-yang-betul-tular-hanya-lambatkan-proses-fuziah/</a>	KOSMO
18-Oct	Tak galak orang ramai guna media sosial salur aduan berkaitan bekalan barang	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/629839/berita/nasional/tak-galak-orang-ramai-guna-media-sosial-salur-aduan-berkaitan-bekalan-barangan">https://www.sinarharian.com.my/article/629839/berita/nasional/tak-galak-orang-ramai-guna-media-sosial-salur-aduan-berkaitan-bekalan-barangan</a>	SH
18-Oct	Guna saluran betul adu bekalan makanan, jangan tular di media sosial - KPDN	<a href="https://youtu.be/44VhAXj_Zk0?si=JidQFxD4iN469LAc">https://youtu.be/44VhAXj_Zk0?si=JidQFxD4iN469LAc</a>	KINITV
18-Oct	Op Jamin dipergiat seluruh negara	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/op-jamin-dipergiat-seluruh-negara/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/op-jamin-dipergiat-seluruh-negara/</a>	UM
18-Oct	Op Jamin: Lebih 31,000 premis diperiksa di seluruh negara	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71318-op-jamin-lebih-31-000-premis-diperiksa-di-seluruh-negara">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71318-op-jamin-lebih-31-000-premis-diperiksa-di-seluruh-negara</a>	BERITARTM
18-Oct	Ops Jamin periksa 31,100 kedai, pastikan bekalan beras cukup	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/ops-jamin-periksa-31-100-kedai-pastikan-bekalan-beras-cukup">https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/ops-jamin-periksa-31-100-kedai-pastikan-bekalan-beras-cukup</a>	SUARAKEADILAN
18-Oct	31,00 premis diperiksa dalam Ops Jamin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/10/17/3100-premis-diperiksa-dalam-ops-">https://www.google.com/amp/s/www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2023/10/17/3100-premis-diperiksa-dalam-ops-</a>	FMT

18-Oct	Pemeriksaan OPS JAMIN kembalikan keyakinan rakyat kepada Kementerian	<a href="https://my.lifeneWSAGENCY.com/2023/10/17/pemeriksaan-ops-jamin-kembalikan-keyakinan-rakyat-kepada-kementerian/">https://my.lifeneWSAGENCY.com/2023/10/17/pemeriksaan-ops-jamin-kembalikan-keyakinan-rakyat-kepada-kementerian/</a>	LIFENEWSAGENCY
18-Oct	Ops Jamin periksa 31,100 premis diperiksa di seluruh negara	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2235817">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2235817</a>	BERNAMA
18-Oct	KPDN Periksa 31,100 Premis Beras	<a href="https://youtu.be/oO6sXhAy_jE?si=7cbUdetCBYGVyopF">https://youtu.be/oO6sXhAy_jE?si=7cbUdetCBYGVyopF</a>	SELANGORTV
18-Oct	Empat pengarah syarikat didakwa jalankan perniagaan jualan langsung secara haram	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021066/empat-pengarah-syarikat-didakwa-jalankan-perniagaan-jualan-langsung-secara">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/10/1021066/empat-pengarah-syarikat-didakwa-jalankan-perniagaan-jualan-langsung-secara</a>	HM
18-Oct	Four company directors claim trial to direct selling scheme charges	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/10/968137/four-company-directors-claim-trial-direct-selling-scheme-charges">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/10/968137/four-company-directors-claim-trial-direct-selling-scheme-charges</a>	NST
18-Oct	Empat pengarah syarikat didakwa jalankan perniagaan jualan langsung secara haram	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235846">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2235846</a>	BERNAMA